

→ ISU

[FOTO SAFURI KAMARUDIN/BH]

# Dana RM902.5j bina 5,910 unit PPR di Kedah



**Noh melihat pelan** perumahan pada Majlis Pelancaran PPR Baling di Kampung Charok Sikin, Baling, semalam.

→ Program bantu golongan pendapatan rendah miliki rumah

Oleh Safuri Kamarudin  
cnews@nstp.com.my

► Baling

**K**ementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan memperuntukkan RM902.5 juta untuk membina 5,910 unit rumah Pro-

jek Perumahan Rakyat (PPR) di Kedah.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar, berkata daripada jumlah itu, 2,494 unit rumah siap dibina manakala 1,416 unit sedang dilaksanakan dan 2,000 unit dalam perancangan.

Katanya, kerajaan juga sudah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM97.5 juta bagi



**PRU14**  
#jomundi

pembinaan 500 unit rumah teres satu tingkat termasuk kemudahan surau, dewan komuniti, TABIKA, TASKA dan kedai.

### Kerajaan beri subsidi

“Program ini untuk membantu golongan berpendapatan isi rumah bawah RM3,000 sebulan memiliki rumah sendiri kerana kerajaan memberi subsidi kepada rakyat.

“Kos membina rumah itu berjumlah RM195,000 seunit dan dijual pada harga RM35,000. Ini bermakna Kerajaan Persekutuan

memberi subsidi RM160,000,” katanya selepas Majlis Pelancaran PPR Baling di Kampung Charok Sikin, dekat sini, semalam.

Noh berkata, antara projek PPR yang sudah siap ialah di Paya Nahu, Aman Jaya di Sungai Petani, Kuah Langkawi, Kubang Pasu dan Seri Intan, Alor Setar.

Katanya, PPR yang masih dalam pembinaan pula di daerah Alor Setar, Kuala Nerang dan Ayer Hitam manakala dalam perancangan di Bakar Bata, Ulu Melaka dan Kuah di Langkawi serta Baling.